

18/12/1998

Starbucks Coffee buka cawangan

Hasnira Hassan

STARBUCKS Coffee International (Starbucks Coffee) membuka cawangan pertamanya di negara ini di pusat beli-belah Plaza KL di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Starbucks Coffee menyediakan 15 pilihan minuman kopi antarabangsa termasuk `arabica' yang dianggap antara kopi terbaiknya.

Selain itu, kafe yang dikhususkan untuk penggemar kopi itu menawarkan hidangan ringan lain seperti pastri tempatan, pencuci mulut serta produk makanan berasas dan berperisa kopi.

Pengerusi Berjaya Coffee Company (M) Sdn Bhd (Berjaya Coffee), Tan Sri Abdul Rahim Din, berkata pembukaan cawangan di negara ini sebagai membuka peluang kepada penduduk Malaysia menikmati keistimewaan yang ditawarkan Starbucks Coffee.

"Ini menjadi permulaan kepada pengenalan jenama ini di Malaysia dan komitmen kami menyediakan perkhidmatan terbaik," katanya pada majlis pembukaan Starbucks Coffee di Kuala Lumpur, semalam.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff merasmikan pembukaan kafe itu yang turut dihadiri Pengerusi Berjaya Group Bhd, Tan Sri Vincent Tan dan Presiden Starbucks Coffee International, Howard Behar.

Abdul Rahim berkata, keuntungan jualan hari pertama semalam akan disumbang kepada Tabung Paediatrik Aids.

Pada majlis itu beliau turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM10,000 kepada Presiden Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Berjaya Coffee Company (M) Sdn Bhd adalah anak syarikat milik penuh Berjaya Group Bhd, konglomerat Malaysia yang terbabit dalam perniagaan pasaran pengguna, pengurusan hotel, pembangunan prasarana, kewangan, perkhidmatan penjagaan kesihatan serta rangkaian restoran tempatan dan antarabangsa.

Starbucks Coffee International pula ialah anak syarikat milik penuh Starbucks Coffee Company, antara peneraju dalam perniagaan kopi istimewa di Amerika Utara.

Cawangan terbarunya di negara ini adalah yang kelapan di lingkaran pasifik selain daripada Jepun, Hawaii, Singapura, Filipina, Taiwan, Thailand, United Kingdom dan New Zealand serta mempunyai lesen perjanjian di Korea Utara dan China.

(END)